

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang sebenarnya 1MDB melabur di Cayman Island dan berapa banyakkah daripada jumlah itu yang sudah dibawa pulang ke Malaysia hari ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dana yang diuruskan oleh pengurus dana yang berdaftar di bawah pengawasan badan kawal selia iaitu Cayman Monetary Authority telahpun ditebus sepenuhnya. Penebusan dana tersebut merangkumi pelaburan utama

(atau *principal*) yang ditebus melalui dua *tranche* dan keuntungan pelaburan.

2. Penebusan *tranche* pertama USD1.215 bilion telah digunakan untuk membayar faedah hutang, *working capital* dan lain-lain komitmen yang berjadual manakala *tranche* kedua sebanyak USD1.103 bilion masih disimpan dalam bentuk mata wang asing dan akan digunakan untuk memenuhi pembayaran balik beberapa pinjaman dalam mata wang asing yang dijadualkan pada tahun ini.

3. Penebusan keuntungan yang berjumlah USD329 juta pula telah digunakan untuk membayar faedah hutang serta lain-lain komitmen yang berjadual.